

ARTIKEL MAJUTAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANAJUNG MALAYSIA BAGI JANUARI HINGGA JUN 2026

PAMERAN RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (CFS) NEGERI PERAK TAHUN 2026

**DISEDIAKAN OLEH
AZHAR BIN ANUAR
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

IPOH, 24 MEI 2026

Central Forest Spine atau CFS merupakan gabungan kompleks hutan yang terdiri daripada kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), Hutan Tanah Kerajaan (HTK), Taman Negara, Taman Negeri dan Rizab Hidupan Liar, tanah pertanian dan kawasan tepu bina yang menjadi tulang belakang bagi Kawasan Sensitif Alam Sekitar atau lebih dikenali sebagai KSAS. Kawasan Sensitif Alam Sekitar ini merupakan suatu kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang bentuk perubahan kepada ekosistemnya akibat daripada proses alam semula jadi atau aktiviti di dalam atau di sekitarnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Central Forest Spine di Semenanjung Malaysia merentasi lapan (8) buah negeri dan melibatkan lima puluh lapan (58) daerah. Dengan mengambil kira kepentingan kawasan CFS yang mempunyai sumber asli bernilai tinggi dan menjadi habitat kepada pelbagai spesies flora dan fauna serta menjadi punca sumber air mentah dan oksigen, maka Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* perlu diwujudkan agar dapat menghubungkan kompleks hutan yang terpisah dan hidupan liar dapat bergerak tanpa sebarang gangguan dan ancaman. Bagi memastikan Rangkaian kawasan hutan di Semenanjung Malaysia dan Biodiversiti Negara terpelihara dan berdaya laksana, Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) ke-40 pada 20 Julai 2022 telah meluluskan secara dasar Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 bagi menggantikan PIRECFS 2010. PIRECFS 2022 ini mengandungi 5 Objektif, 14 Strategi, 38 Tindakan dan 228 Inisiatif yang perlu dilaksanakan secara berfasa bagi tempoh tahun 2022 hingga 2040.

Pelan induk ini melibatkan 39 rangkaian ekologi CFS di mana 20 daripadanya merupakan rangkaian utama atau *primer linkage* manakala selebihnya iaitu sebanyak sembilan belas (19) rangkaian merupakan rangkaian sekunder atau *secondary linkage*. Di Negeri Perak mempunyai lapan (8) Rangkaian Ekologi CFS dengan keluasan 54, 617 hektar yang mana lima (5) rangkaian utama dan tiga (3) rangkaian sekunder. Kerajaan Negeri Perak komited terhadap kepentingan dan sumbangan rangkaian ekologi ini di mana Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2022 telah meluluskan dengan menerimapakai Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 di peringkat Negeri pada 22 Februari 2022.

Melalui kaji selidik yang dilaksanakan sebelum ini telah mendapati tahap kesedaran yang lemah berkenaan kewujudan PIRECFS oleh masyarakat awam. Merujuk kepada isu tersebut dan kepentingan CFS, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan pameran CFS Negeri Perak untuk

menyokong pelaksanaan inisiatif PIRECFS 2022 yang telah digariskan. Oleh itu, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menyertai beberapa program untuk mengadakan pameran CFS Negeri Perak seperti Program Madani Rakyat (PMR) yang telah dijanjikan di Bulatan Sultan Azlan Shah, Persiaran Meru Raya yang berlangsung selama tiga (3) hari iaitu pada 3 – 5 April 2026. Seterusnya, pameran CFS juga telah dilaksanakan di Program Perasmian Publisiti dan Penyertaan Awam Rancangan Kawasan Khas (RKK) Rangkaian Ekologi CFS A-PL2 bertempat di Majlis Daerah Pengkalan Hulu (MDPH) pada 5 Mei 2026. Pameran CFS juga telah dilaksanakan semasa Sambutan Hari Hutan Antarbangsa (HHA) Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Dataran Sook, Daerah Keningau, Sabah yang berlangsung pada 22 – 24 Mei 2026. Pameran ini bertujuan untuk memberi pendedahan, kefahaman dan memupuk kesedaran kepada masyarakat awam berkenaan kepentingan menjaga hutan dan kawasan CFS.

Pelaksanaan Pameran CFS Negeri Perak ini adalah selari dengan pelaksanaan inisiatif PIRECFS 2022 di bawah **Tindakan 4.3a, Inisiatif 3: Menyediakan Pelan Promosi Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS** melalui pelbagai medium dan kaedah promosi termasuk mengadakan pameran CFS secara berkala di konvensyen berkaitan biodiversiti, kempen alam sekitar atau dalam acara tahunan agensi dan **Tindakan 4.3b, Inisiatif 1: Meningkatkan Kesedaran serta Penglibatan Awam Dalam Usaha Memelihara, Memulihara dan Melindungi Hutan** khususnya melibatkan kawasan CFS dengan Memberi pendedahan serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat melalui pelaksanaan program *Conservation, Education, Participation and Awareness (CEPA)*.

Program : Program Madani Rakyat (PMR)
Lokasi : Bulatan Sultan Azlan Shah, Persiaran Meru Raya
Tarikh : 3 – 5 April 2026



Gambar 1: Lawatan YBhg. Dato' Mohd Basri Bin Abdul Manaf, Pengarah Perhutanan Negeri Perak ke reruai pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak yang berada dibawah seliaan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)



Gambar 2: Pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Gambar 3: Lawatan masyarakat awam ke reruai pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak



Gambar 4 : Lawatan masyarakat awam ke reruai pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak

Program : Program Perasmian Publisiti dan Penyertaan Awam Rancangan Kawasan Khas (RKK) Rangkaian Ekologi CFS A-PL2

Lokasi : Majlis Daerah Pengkalan Hulu (MDPH)

Tarikh : 5 Mei 2026



Gambar 5: Ucapan Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam Rancangan Kawasan Khas (RKK) Rangkaian Ekologi CFS A-PL2 oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Pn. Sandra Ng Shy Ching



Gamabar 6: Tayangan video montaj Perasmian Publisiti Dan Penyertaan Awam Rancangan Kawasan Khas (RKK) Rangkaian Ekologi CFS A-PL2



Gambar 7: Penyerahan Draf Laporan Akhir Rancangan Kawasan Khas (RKK) Rangkaian Ekologi CFS A-PL2 kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Gambar 8: Lawatan YB Pn. Sandra Ng Shy Ching ke Pameran Publisiti dan Penyertaan Awam Rancangan Kawasan Khas (RKK) Rangkaian Ekologi CFS A-PL2



Gambar 9: Lawatan YB Pn Sandra ke Pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak



Gambar 10: Lawatan orang awam dan Pejabat Daerah ke Pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak



Gambar 11: Lawatan orang awam, agensi Badan Bukan Kerajaan (*Non-Governmental Organization* - NGO) dan Pejabat Daerah ke Pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak



Gambar 12: Lawatan orang awam, agensi Badan Bukan Kerajaan (*Non-Governmental Organization* - NGO) dan Pejabat Daerah ke Pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak



Gambar 13: Pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak oleh Pasukan CFS Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Program : Sambutan Hari Hutan Antarbangsa (HHA) Peringkat Kebangsaan
Lokasi : Dataran Sook, Daerah Keningau, Sabah
Tarikh : 22 – 24 Mei 2026



Gambar 14: Lawatan YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam ke reruai pameran *Central Forest Spine (CFS)* Negeri Perak



Gambar 15: Lawatan YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia ke reruai pameran *Central Forest Spine (CFS)* Negeri Perak



Gambar 16: Lawatan YBhg. Dato' Mohd Basri Bin Abdul Manaf, Pengarah Perhutanan Negeri Perak ke reruai pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak



Gambar 17: Lawatan YB Dato' Dr. Noraini Ahmad, Menteri Perlindungan dan Komoditi ke reruai pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak



Gambar 18: Lawatan agensi Kerajaan ke reruai pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak



Gambar 19: Lawatan agensi Kerajaan ke reruai pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak



Gambar 20: Lawatan orang awam ke reruai pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak



Gambar 21: Lawatan orang awam ke reruai pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak



Gambar 22: Lawatan orang awam ke reruai pameran *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak



Gambar 23: Penyerahan sijil penyertaan daripada wakil Jabatan Perhutanan Sabah